

e-Tanah di lapan negeri

UM - 28/7/2021 m/d: 3

Oleh MAISARAH SHEIKH RAHIM

maisarah.rahim@mediamulia.com.my

PUTRAJAYA: Sistem pentadbiran tanah secara elektronik, e-Tanah yang sedang dibangunkan di Wilayah Persekutuan Putrajaya dan Labuan, Selangor, Terengganu, Pahang, Johor, Kedah, Perlis dan Kelantan dijangka selesai serta boleh diguna pakai sepenuhnya seawat-lewatnya pada 2024.

Perdana Menteri, Tan Sri Muhyiddin Yassin berkata, inisiatif Kerjasama Awam Swasta (PPP) itu diperluaskan ke negeri-negeri selepas kejayaan pelaksanaannya di Kuala Lumpur dan Perak dan sebagai satu inisiatif pemodenan perkhidmatan pentadbiran tanah.

Sistem e-Tanah dimulakan secara perintis di Pejabat Pengarah Tanah dan Galian Wilayah Persekutuan Kuala Lumpur sejak tahun 2017 selepas Kerajaan Persekutuan bersetuju melaksanakan Sistem e-Tanah menerusi PPP pada 2014.


“Semenjak inisiatif pemod-

enan perkhidmatan pentadbiran tanah dijalankan seawal tahun 1980, pentadbiran tanah terus diperkemas dan dipermudahkan seiring perkembangan teknologi terkini.

“Inisiatif yang melibatkan kolaborasi di antara Kerajaan Persekutuan, Kerajaan Negeri dan syarikat swasta ini, bertujuan menyeragamkan pentadbiran tanah di negeri-negeri berdasarkan perundangan yang berkuat kuasa, mengurangkan kerenah birokrasi serta meningkatkan ketelusan dan integriti dalam pentadbiran tanah,” katanya.

Beliau berkata demikian ketika berucap merasmikan ‘Pelancaran Peluasan Sistem e-Tanah Secara Kerjasama Awam Swasta’ bersempena Hari Tanah Negara Tahun 2021 bertema ‘Mendepani Cabaran Pasca Covid-19 dalam Pentadbiran Tanah’, secara maya semalam.

Muhyiddin berkata, beliau percaya, pelaksanaan Sistem e-Tanah juga dapat menyumbang kepada kepesatan pembangunan negara di samping mening-



MUHYIDDIN YASSIN

katkan hasil kepada kerajaan-kerajaan negeri khususnya.

Beliau menjelaskan, sepanjang pelaksanaannya secara perintis di Kuala Lumpur, sistem berkenaan berjaya meningkatkan kualiti dan kecekapan pentadbiran tanah di wilayah itu.

Apatah lagi, kata beliau, semasa peringkat awal pandemik Covid-19 melanda negara pada tahun lalu, sistem e-Tanah berkaitan pelbagai urusan berkaitan tanah seperti carian persendirian, pembayaran cukai, permohonan pindah mi-

lik dan permohonan gadaian tanah dapat diteruskan secara atas talian dengan cekap dan selamat.

“Berdasarkan kejayaan tersebut, Sistem e-Tanah secara PPP ini diperluaskan pula ke Perak dan mula digunapakai pada Februari lalu sekali gus menunjukkan prestasi cemerlang dan dapat dimanfaatkan sepenuhnya kerajaan negeri untuk pelaksanaan urusan pentadbiran tanah,” katanya.

Dalam pada itu, Muhyiddin menegaskan, di peringkat Kerajaan Persekutuan, dasar dan perundangan tanah semasa sentiasa diteliti dan dikemas kini supaya selaras dengan peredaran masa dan keperluan pelanggan khususnya rakyat.

Melalui Mesyuarat Majlis Tanah Negara, katanya, Kerajaan Persekutuan dan kerajaan negeri berbincang hal-hal berkaitan dasar negara bagi mengurus, memaju dan mengawal selia penggunaan tanah di peringkat masing-masing untuk maksud perlombongan, pertanian dan perhutanan.